

Faktor-Faktor yang Signifikan dalam Perancangan Kerjaya Lulusan Kolej Komuniti

Zaidi Othman
Kolej Komuniti Masjid Tanah
zaidi.othman@kkmt.edu.my

Ahmad Rosli Mohd Nor
Universiti Teknologi Mara
ahmadrosli75@yahoo.com

Nik Mazidah Nik Ahmad
SMK Ayer Keroh Melaka
maxict79@gmail.com

Abstract

Career requires careful planning and should not be neglected with an expectation for it to develop on its own. Hence, it is crucial to ensure that an individual's future career is in tandem with his interests, personalities and academic achievements. Therefore, the research was conducted to identify factors of career planning among Community College graduates in facing the ordeal of career challenging world. The quantitative research was implemented with the participation of Community Colleges graduates from Melaka and Negeri Sembilan zone as its sampling. A total of 222 samples responded for the questionnaire which exceeded the recommendations of the G-Power sampling apps for the T-test (n=102), One-Way ANOVA (n=159) and Pearson Correlation analysis (n=115). Google Form questionnaires were utilized for the data collection and analyzed using SPSS 23.0 for the research outcome. The finding shows that the factors with high level mean value; Planning Focus (4.29), Self-Efficacy (4.21), Planning Objectives (4.14) and Catalyst Factors (4.34) are the main factors affecting Community College graduates career planning. However, it was also identified that these four factors do not contribute for any significant differences towards genders and programs variables. Nevertheless, the analysis of the study indicated that there is a moderate level of correlation (r) between career planning and these four factors; (Planning Focus $r=.585$; Self-Efficacy $r=.579$; Planning Objectives $r=.651$; and Catalyst Factor $r=.602$). Overall, the findings could be instigated as a guideline and reference for Community College management to assist Community College students and graduates in developing a systematic career planning.

Keywords: career, self-efficacy and community college

Abstrak

Kerjaya merupakan perkara yang perlu dirancang dan tidak boleh dibiarkan berkembang dengan sendiri. Ini penting bagi memastikan kerjaya masa depan seseorang individu itu selaras dengan minat, personaliti dan pencapaian akademiknya. Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor-faktor Perancangan Kerjaya para lulusan Kolej Komuniti dalam menghadapi dunia kerjaya yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kajian secara kuantitatif ini telah dijalankan terhadap lulusan kolej komuniti Zon Melaka dan Negeri Sembilan sebagai sampel kajian. Seramai 222 orang sampel telah menjawab soalselidik ini yang melebihi saranan aplikasi persampelan G Power untuk analisis melibatkan ujian t (102 orang), Anova Satu Hala (159 orang) dan Korelasi Pearson (115 orang). Data telah dikutip menggunakan soal selidik secara *Google Form* dan dianalisis berbantuan SPSS 23.0 untuk mendapatkan hasilnya. Dapatan

kajian menunjukkan nilai min faktor Fokus Perancangan (4.29), Efikasi Kendiri (4.21), Objektif Perancangan (4.14) dan Faktor Pemangkin (4.34) berada pada tahap tinggi dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Namun begitu keempat-empat faktor ini tidak mempunyai perbezaan yang signifikan pada pembolehubah Jantina dan Program Pengajian. Manakala analisis kajian mendapati wujud korelasi (r) pada tahap sederhana antara keempat-empat faktor ini (Fokus Perancangan $r=.585$; Efikasi Kendiri $r=.579$; Objektif Perancangan $r=.651$; dan Faktor Pemangkin $r=.602$) dengan perancangan kerjaya. Hasil dapatan kajian ini mampu memberikan panduan dan rujukan kepada pihak pengurusan kolej komuniti untuk membantu para pelajar dan lulusan kolej komuniti membuat perancangan kerjaya yang sistematik.

Kata Kunci : kerjaya, efikasi kendiri dan kolej komuniti.

1.0 Pengenalan

Setiap insan pasti mengimpikan pekerjaan yang berprestij, pendapatan lumayan, mudah dan sesuai dengan minat mereka. Ianya bukanlah perkara yang mustahil untuk digapai walaupun bukan sesuatu perkara yang mudah. Perancangan kerjaya yang teratur dan rapi semenjak alam persekolahan rendah lagi mampu memberikan laluan yang betul kepada setiap individu untuk mengecapi kerjaya yang diimpikan. Ini kerana setiap manusia mempunyai cita-cita atau kerjaya impian yang tersendiri dan berbeza pada setiap individu.

Perancangan kerjaya merujuk kepada proses membuat keputusan kerjaya, menentukan jalan-jalan pendidikan dan latihan yang berkaitan serta memilih strategi-strategi yang mengarah kepada kejayaan merealisasikan keputusan yang telah dibuat (Amla, 2010). Merancang laluan kerjaya yang seiring dengan pendidikan serta latihan yang diikuti adalah tugas penting dalam turutan perkembangan kerjaya individu semenjak daripada remaja sehingga dewasa (Super, Savickas & Super 1996). Secara teorinya, proses ini berlangsung di mana individu akan memilih kerjaya yang diminati dan sesuai dengan personaliti mereka (Super 1973; Holland 1996).

Kebanyakan pakar bersetuju bahawa kerjaya perlu dirancang dan bukan dibiarkan berkembang dengan sendiri. Perancangan kerjaya sebaiknya dimulakan seawal bangku persekolahan lagi sehinggalah mereka menamatkan pengajian tertinggi mereka (Castellano et al. 2004; Sidek 2006; Puteri Hayati 2010). Malah kajian Zuraidi Tahir, Sahalani Basar dan Ahmad Rosli (2017) mendapati faktor perancangan kerjaya sangat kritikal bagi lulusan kolej komuniti untuk mendapat kerjaya idaman. Ia menyokong kajian Jasmi Talib, Jamaludin dan Hasan Sharif (2013) yang mendapati wujud keperluan yang sangat kritikal pada perancangan kerjaya bagi pelajar-pelajar kolej komuniti untuk membantu mereka mencapai kejayaan dalam kerjaya masa depan mereka. Perancangan kerjaya merupakan asas kepada perkembangan kerjaya pelajar-pelajar dalam perkembangan kerjaya mereka (Syed Mohamad, 2010). Proses ini amat penting bagi pelajar-pelajar Kolej Komuniti yang memulakan pengajian pada usia 18 atau 19 tahun dan menamatkan pengajian pada usia 20 atau 21 tahun (JPKK 2012). Ini kerana pada peringkat usia ini mereka ini sudah perlu mempunyai matlamat dan sasaran pekerjaan yang jelas. Mereka bukan lagi dalam tahap cuba mengetahui seperti zaman mereka di bangku sekolah sebelum ini malah mereka perlu membuat beberapa keputusan penting berkaitan kerjaya seperti memilih aliran pengajian, menyertai kursus berkaitan kerjaya dan

sebagainya (Super, Savickas & Super, 1996). Proses memadankan diri program pengajian atau pekerjaan hanya boleh dilakukan dengan baik berdasarkan perancangan kerjaya yang jitu dan berterusan. Ia juga perlu disokong oleh maklumat kerjaya yang tepat dan terkini bagi memastikan kerjaya yang diimpikan berada pada landasan yang tepat. Ini kerana kerjaya yang dibiarkan berkembang dengan sendiri mengikut arus masa boleh membantutkan potensi diri yang ada pada seseorang individu atau melambatkan masa mereka untuk berjaya dalam kerjaya yang diceburi (Sidek Mohd Noah 2006). Perancangan kerjaya perlu mengambilkira pelbagai faktor seperti prospek, pulangan dan kemampuan diri individu itu sendiri. Seperti kata pepatah Melayu “Kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga”. Justeru persiapan pelajar dalam membuat perancangan kerjaya perlu dibuat dengan baik dan dirancang dengan teliti. Namun begitu pendedahan pelajar kolej komuniti dan lulusan kolej komuniti kepada perancangan kerjaya masih agak rendah. Berdasarkan kajian oleh Jasmi (2013) mendapati tahap perancangan kerjaya pelajar kolej komuniti masih lagi rendah dan program-program yang menyokong kepada perancangan kerjaya belum begitu banyak dijalankan. Ini selari dengan kajian Syed Mohamad (2010) dan Amla (2010) yang mendapati program-program perancangan kerjaya agak kurang dan terhad dalam kurikulum pendidikan di Malaysia dan kurang diberi perhatian oleh pakar-pakar dalam bidang pendidikan yang lebih melihat perkaitan antara akademik dan kemahiran pelajar.

Justeru itu pelajar-pelajar yang memulakan perancangan kerjaya selepas pengajian di Kolej Komuniti tentu sekali dianggap agak terlewat. Kebanyakan mereka tidak mempunyai kesedaran tentang faktor-faktor yang penting dalam perancangan kerjaya. Malah ramai yang masuk belajar di kolej komuniti tanpa sebarang target atau cita-cita yang berkaitan dengan program pengajian mereka. Walaupun begitu mereka tetap mempunyai potensi untuk mempunyai pekerjaan yang baik sekiranya dibantu untuk merancang kerjaya masa depan mereka (Syed Mohamad, 2010). Ini disokong oleh Jasmi (2013) dalam kajiannya mengenai keberkesanan modul merancang kerjaya dalam kurikulum kolej komuniti. Beliau telah membuktikan perancangan kerjaya yang sistematik sangat berkesan dan mampu meningkatkan kesedaran kerjaya di kalangan pelajar Kolej Komuniti.

Namun begitu faktor-faktor yang boleh mempengaruhi perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti perlu dikaji dengan teliti kerana latar belakang pelajar kolej komuniti adalah sangat berbeza dengan pelajar IPTA yang lain. Kebanyakannya adalah daripada golongan yang berprestasi rendah dan sederhana semasa di alam persekolahan. Justeru, kajian ini telah dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang berpengaruh dalam perancangan lulusan kolej komuniti sebagai panduan untuk pihak pengurusan dan pensyarah kolej komuniti dalam merangka perancangan kerjaya para pelajar kolej komuniti. Malah para pelajar juga boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan untuk mereka merancang kerjaya semasa dalam pengajian di kolej komuniti lagi. Kajian ini dijalankan kepada lulusan kolej komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan dalam Sijil Kolej Komuniti sahaja.

2.0 Objektif kajian

Secara umumnya kajian ini ingin melihat faktor-faktor yang berpengaruh dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti dewasa ini manakala secara khususnya kajian ini bertujuan untuk:

- a. Mengenalpasti faktor-faktor berpengaruh dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti.
- b. Mengenalpasti perbezaan faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti.
- c. Mengenalpasti hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu fokus, efikasi sendiri, objektif perancangan dan faktor pemangkin.

3.0 Hipotesis kajian

H₀₁ Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan faktor jantina.


H₀₂ Tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan faktor program pengajian.

H₀₃ Tidak wujud hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu Fokus, Efikasi Kendiri, Objektif Perancangan dan Faktor pemangkin.

4.0 Kerangka konseptual

Secara umumnya konstruk kajian ini adalah bersandarkan kepada Model laluan Perkembangan Kerjaya Pelajar TVET atau dikenali sebagai Model kerjaya RSS yang telah dibangunkan oleh Ahmad Rosli Mohd Nor (2016). Model ini pula dibangunkan berasaskan Teori Perkembangan Kerjaya Super (1971) dan Teori Aspirasi kerjaya Gottfredson (1981) yang dikembangkan menjadi model laluan kerjaya untuk pelajar TVET.

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini bagi menunjukkan faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya. Dalam kajian ini, pembolehubah bersandar merupakan (1) Fokus Perancangan; (2) Efikasi sendiri; (3) Objektif Kajian; dan (4) Faktor Pemangkin yang boleh mempengaruhi perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Pembolehubah tidak bersandar adalah terdiri daripada faktor demografi seperti jantina dan program pengajian.



Rajah 1: Kerangka konseptual kajian (Ahmad Rosli 2016)

5.0 Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang telah dibangunkan oleh Ahmad Rosli (2016) dan mempunyai nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.83. Kebolehpercayaan adalah darjah yang menunjukkan pengukuran dijalankan bebas dari kesilapan dan seterusnya menghasilkan keputusan konsisten. Pendekatan yang digunakan untuk mengukur koefisien kebolehpercayaan itemitem dalam instrumen adalah ketekalan dalaman (*internal consistency*). Teknik menganggarkan ketekalan dalaman yang digunakan dalam kajian sebenar dan ujian rintis ini ialah nilai Alpha Cronbach bagi setiap pembolehubah (Sekaran, 2005). Pemilihan sampel adalah menggunakan aplikasi pemilihan sampel G-Power yang merupakan aplikasi percuma yang boleh mencadangkan saiz sampel berdasarkan kesan saiz dan kekuatan sampel dengan jenis analisis yang ingin digunakan (Wan Muhammad Amir, Muhammad Shafiq, Adam Husein dan Mohd Fadli 2018). Bagi kajian yang memerlukan analisis t (Independent sample T-Test), effect size : 0.8 dan α : 0.05, sampel minimum yang dicadangkan ialah 42 orang dan Korelasi Pearson seramai 115 orang. (Faul, Erdfeder, Lang & Buchner 2007).

Soal selidik ini dibuat dalam bentuk *Google Form* bagi memudahkan taburannya kepada sampel kajian yang rata-rata adalah lulusan kolej komuniti Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan. Instrumen atau borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat demografi lulusan kolej komuniti. Bahagian B mengandungi maklumat tentang faktor-faktor yang signifikan dalam mempengaruhi perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti. Analisis Deskriptif dan Inferensi telah dijalankan terhadap data-data yang diperolehi daripada kajian ini bagi menjawab semua persoalan kajian yang telah diutarakan sebelum ini.

6.0 Dapatan kajian dan perbincangan

Kajian ini berjaya mencapai matlamatnya untuk menjawab persoalan kajian iaitu:

- i. Apakah faktor-faktor berpengaruh dalam perancangan kerjaya lulusan kolej komuniti?

Perancangan berobjektif dalam kajian ini merujuk kepada bagaimana objektif dalam perancangan itu ingin dicapai dalam proses merancang kerjaya. Efikasi sendiri ialah pertimbangan individu mengenai kecekapan mereka dalam melaksanakan tugas yang ditetapkan (Bandura, 1984). Inventori Perkembangan Kerjayanya mengaitkan faktor lain yang tidak terlibat secara langsung dalam perancangan kerjaya individu tetapi mempunyai pengaruh dalam perancangan kerjaya mereka seperti aktiviti tak formal, kursus luar yang diikuti, kokurikulum dan sukan (Sharf, 2013). Ianya merujuk kepada faktor pemangkin dalam perancangan kerjaya seperti kerja sambilan, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Jadual 1: Faktor perancangan kerjaya

	N	Minimum	Maks	Min	SD
Fokusperanca	222	1.40	5.00	4.2887	.53570
Perancherobjekt	222	1.00	5.00	4.1351	.58806
Efikasikendiri	222	1.20	5.00	4.2045	.56679
Faktpemangkin	222	1.30	5.00	4.3369	.57723

Jadual 1 jelas menunjukkan keempat-empat faktor dalam Kerangka Konseptual iaitu (1) Fokus Perancangan; (2) Efikasi sendiri; (3) Objektif Kajian; dan (4) Faktor Pemangkin telah mencatatkan min yang tinggi bagi analisis faktor berpengaruh di mana semuanya mencatatkan bacaan min lebih daripada 4.00. Berdasarkan jadual Interpretasi Skor oleh Nunnally & Bernstein (1994) menunjukkan bacaan min ini adalah pada tahap yang tinggi. Jelas sekali seseorang individu perlu fokus dengan apa yang ingin digapai dalam perancangan kerjayanya. Ini akan menjadikan beliau mampu bertahan dengan pelbagai rintangan yang mendatang samada luaran atau dalaman.

Malah Super (1971) telah menjadikan fokus terhadap terhadap sasaran kerjaya sebagai perkara yang perlu diambil kira dalam perancangan kerjaya individu. Ini disokong oleh kajian Ahmad Rosli (2016) dan Mohamad Sattar, Ahmad Rosli, Salleh Amat dan Roseannah Abdul Rauf (2015) yang mendapati fokus kepada sasaran kerjaya masa depan merupakan salah satu elemen kejayaan lulusan kolej komuniti yang berpendapatan tinggi.

ii. (a) Apakah perbezaan faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan jantina?

Hasil analisis menunjukkan tidak wujud perbezaan dalam faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan jantina seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisa nilai t

FAKTOR	n	t	sig
FOKUS PERANCANGAN	233	.277	.258
PERANCANGAN BEROBJEKTIF	233	2.765	.133
EFIKASI KENDIRI	233	2.072	.052
FAKTOR PEMANGKIN	233	1.356	.208

Ini menunjukkan faktor seperti Fokus Perancangan Kerjaya, Perancangan Berobjektif, Efikasi Kendiri dan Faktor Pemangkin tidak dipengaruhi oleh jantina. Malah teori Myres-Briggs (1993) juga menjelaskan bahawa individu memerhati dunia sekelilingnya berdasarkan persepsi. Justeru ia memerlukan fokus dan objektif yang jelas dalam merangka perancangan kerjaya jangka pendek dan jangka panjangnya tanpa mengira apa juga jantannya.

Malah Teori Kesepadanan Individu-Persekitaran atau lebih dikenali sebagai *Person Environment Correspondence* yang dibangunkan oleh Rene Dawis, George England dan Lloyd Lofquist (dlm. Melati Sumari et al. 2016) semakin tinggi kebolehan seseorang sesuai dengan kehendak peranan atau organisasi, semakin besar kemungkinan mereka akan menjalankan tugas dengan baik. Jelas sekali faktor jantungina tidak memberikan impak kepada perancangan kerjaya.

(b) Apakah perbezaan faktor-faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya dalam kalangan lulusan kolej komuniti berdasarkan program pengajian?

Jadual 3: Analisa anova sehala

FAKTOR		Sum of Squares	df	Mean	F	Sig.
FOKUSPERANCA	Between Groups	6.566	14	.469	1.708	.056
	Within Groups	56.856	207	.275		
	Total	63.422	221			
PERANCBEROBJEK	Between Groups	6.825	14	.488	1.450	.133
	Within Groups	69.601	207	.336		
	Total	76.426	221			
EFIKASIKENDIRI	Between Groups	5.541	14	.396	1.252	.240
	Within Groups	65.455	207	.316		
	Total	70.995	221			
FAKTPEMANGKIN	Between Groups	4.133	14	.295	.879	.582
	Within Groups	69.504	207	.336		
	Total	73.637	221			

Jadual 3 juga jelas menunjukkan bahawa keempat-empat faktor ini tidak berbeza berdasarkan program pengajian. Ini meyokong kajian Jasmi Talib (2013) yang menunjukkan pelajar kolej komuniti yang diberi panduan membuat perancangan kerjaya secara formal menunjukkan peningkatan dalam kesedaran kerjaya mereka. Kajian ini telah dijalankan tanpa mengambil kira faktor program pengajian pelajar di kolej komuniti. Malah kajian Syed Mohamad (2010) juga mendedahkan pelajar yang berprestasi sederhana dan rendah di sekolah menengah juga mampu berjaya dalam perancangan kerjaya sekiranya diberi pendedahan awal. Justeru pihak pengurusan kolej komuniti perlu membantu para pelajar kolej komuniti membuat perancangan kerjaya semasa di kolej komuniti tanpa sebarang prejudis ke atas program program pengajian yang diambil oleh mereka.

iii. Apakah hubungan antara empat faktor yang mempengaruhi perancangan kerjaya iaitu Fokus, Efikasi Kendiri, Objektif Perancangan dan Faktor pemangkin?

Analisis hubungan Korelasi Pearson mendapati wujud hubungan yang signifikan antara keempat-empat faktor ini dengan Perancangan Kerjaya lulusan kolej komuniti seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Analisis korelasi pearson

		FOKUSPERA NCA	PERANCB EROBJEK TIF	EFIKASIKEND IRI	FAKTPEMANG KIN	PERANCKE RJ
FOKUSPERA NCA	Pearson	1	.693**	.689**	.717**	.585**
	Correlation		.000	.000	.000	.000
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000
	N	222	222	222	222	222
PERANCB EROBJEK TIF	Pearson	.693**	1	.826**	.705**	.651**
	Correlation			.000	.000	.000
	Sig. (2-tailed)			.000	.000	.000
	N	222	222	222	222	222
EFIKASIKEND IRI	Pearson	.689**	.826**	1	.716**	.574**
	Correlation		.000		.000	.000
	Sig. (2-tailed)		.000		.000	.000
	N	222	222	222	222	222
FAKTPEMANG KIN	Pearson	.717**	.705**	.716**	1	.602**
	Correlation		.000	.000		.000
	Sig. (2-tailed)		.000	.000		.000
	N	222	222	222	222	222
PERANCKE RJ	Pearson	.585**	.651**	.574**	.602**	1
	Correlation		.000	.000	.000	
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	
	N	222	222	222	222	222

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 4 di atas jelas menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara Fokus Perancangan (.585 = sederhana), Perancangan Berobjektif (.651 = sederhana) Efikasi Kendiri (.574 = sederhana) dan Faktor Pemangkin (.602 = sederhana) dengan Perancangan Kerjaya lulusan kolej komuniti. Ini berdasarkan jadual interpretasi skor korelasi *Guilford's Rule of Thumb* (Bahaman Abu Samah 2016). Ini menunjukkan dalam usaha pelajar atau lulusan kolej komuniti membuat Perancangan Kerjaya, mereka tidak boleh mengabaikan keempat-empat faktor ini. Kebanyakan teori kerjaya seperti Super (1971), Gotfredson (1996) dan Holland (1973;1997) menekankan betapa pentingnya objektif yang jelas dan fokus dalam perancangan kerjaya setiap individu. Begitu juga dengan aspek kekuatan dalam diri (Efikasi Kendiri) perlu diperkuatkan bagi memastikan halangan dalaman seperti rendah diri, tiada minat dan sebagainya dapat diatasi (Sidek Mohd Noah 2005). Manakala faktor luaran seperti Faktor Pemangkin merupakan pelengkap kepada Perancangan Kerjaya bagi memastikan kesinambungan perancangan kerjaya individu tersebut berterusan (Melati Sumari et al 2016).

7.0 Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya untuk mencapai objektifnya untuk melihat faktor-faktor yang berpengaruh dalam Perancangan Kerjaya Lulusan Kolej Komuniti. Ianya boleh dijadikan sebagai panduan dalam Perancangan Kerjaya Pelajar Kolej Komuniti secara khususnya dan pelajar TVET secara amnya. Hasil kajian ini juga mampu memberikan gambaran bagaimana perancangan kerjaya yang baik mampu mengubah masa depan seseorang pelajar yang berprestasi rendah atau sederhana menjadi sama baik atau lebih baik daripada mereka yang berprestasi cemerlang. Malah hasil kajian ini boleh membantu pihak pengurusan kolej komuniti untuk membina program-program bersifat

bimbingan kerjaya kepada pelajar mereka dengan mengambil kira faktor-faktor penting Perancangan Kerjaya yang telah dikaji ini.

Rujukan

- Ahmad Rosli Mohd Nor (2016) Profil, indikator, faktor kritikal dan model perkembangan kerjaya berasaskan komuniti berpendapatan tinggi dalam kalangan lulusan kolej komuniti. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Amla Mohd Salleh (2010) *Pendidikan kerjaya dan pembangunan modal insan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Bahaman Abu Samah (2016) *Exploring statistic using SPSS*. Serdang: UPM
- Castellano, M., Stringfield, S., Farley, E.N. & Wayman, J.C. (2004) The effect of CTE-enhances whole school reform on student coursetaking and performance in English and Science. *National Research Center for Career and Technical Education, University of Minnesota*.
- Faul, F., Erdfelder, E., Lang, A.G & Bucher, A. (2007) G*Power: a flexible statistical power analysis program for the social, behavioral and biomedical sciences. *Behavior Research Method*, 39(2). 175-191.
- Gotfredson, L.S. (1996) *Gotfredson's Theory of circumscription and compromise*. Dlm. Brown, D. & Brooks, L. (3rd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Holland, J.L. (1973) *Making vocational choice: a theory of careers*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Holland, J. L. (1997) *Making vocational choices: A theory of vocational personalities and work environments*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Jasmi Talib (2013) Kajian keberkesanan Modul Merancang Kerjaya terhadap pelajar kolej komuniti KPTM. PhD Thesis. Fakulti Pendidikan UKM.
- Jasmi Talib, Jamaluddin Mohd Ali dan Hasan Mohd Sharif (2013) Keupayaan modul pendidikan kerjaya meningkatkan kebolehan merancang kerjaya, efikasi sendiri dan kematangan kerjaya pelajar kolej komuniti. *Prosiding Seminar HEP Kebangsaan 2013 Kolej Komuniti KPM*. 81-93.
- JPKK. (2012) *Pemeriksaan Kolej Komuniti 2013-2015*. Putrajaya : PNMB.
- Melati Sumari, Norfaezah Mohd Khalid dan Norsafatul Aznin A. Razak (2016) *Teori dan amalan kaunseling kerjaya*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.

- Mohamad Sattar Rasul, Ahmad Rosli Mohd Nor, Salleh Amat, Rose Amnah Abdul Rauf (2015). Exploring critical factors of self concept among high income community college graduates. *International Education Studies* 8,12. 43-55
- Myres, I.B. (1993) *Gifts differing*. Palo Alto, CA: Consulting Pssychologist Press.
- Nunnally, J. C. & Bernstein, I. R. (1994) *Psychometric Theory*. (Ed. ke-3). New York: McGraw-Hill, Inc.
- Parsons, F. (1909). *Choosing a vocation*. Boston, MA: Houghton Mifflin.
- Reardon, R.C., Lenz, J.G., Sampson, J.P. & Peterson, G.W. (2006) *Career development and planning*. USA: Thomson Corporation.
- Sekaran, U. (2003) *Research methods for business*. USA: John Wiley and Sons.
- Sidek Mohd Noah (2006) *Modul perkembangan kerjaya bersepadu*. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putera Malaysia.
- Super, D.E. (1971) *The psychology of career*. New York: Harper & Row.
- Super, D. E., Savickas, M. L., & Super, C. M. (1996) *The life-span, life-space approach to careers*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Syed Mohamad Syed Abdullah (2010) Keberkesanan modul merancang kerjaya ke atas motivasi belajar, kemahiran belajar dan kebolehan merancang kerjaya dalam kalangan pelajar berpencapaian rendah. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Wan Muhamad Amir, Mohamad Shafiq, Adam Husein dan Mohd Fadli Khamis (2018) *Sample size calculations made easy using g*power*. Kuala Lumpur: Penerbit USM.
- Zunker, V.G. (2012) *Career counseling: a holistic approach (8th ed.)*. Belmont, CA: Brook/Cole.
- Zuraidi Md. Tahir & Sahalani Basar Ahmad Rosli Mohd Nor (2017) Meneroka faktor kritikal kejayaan lulusan kolej komuniti melaka yang berpendapatan tinggi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 2 (1), 29-34.